



Demokrasi Islam

Muhammad Said Darul Saadah, Kepala Batas Kedah,

bertanya:

Saya ingin mendapat penjelasan tuan berkenaan dengan demokrasi di dalam Islam. Sebabnya saya bertanya kerana saya mendapati ada dua fahaman yang berlain-lainan. Dalam buku "Suluh Politik" yang dikarang oleh Saudara Ismail Muhammad, ada mengatakan bahawa "kerajaan Islam itu tidak berdasarkan demokrasi kerana demokrasi itu ibarat satu susunan hukum dan pemerintah yang ada di dalamnya kuasa-kuasa rakyat. Lagi satu pendapat pula baharu-baharu ini saya baca di dalam "Suara Islam" bilangan 5 dalam makalah saudara Johari Ahmad yang bertajuk "Islam Dan Politik" telah menegaskan bahawa Islam, politik, demokrasi ketiga-tiganya rangkai berangkai, tidak dapat dipisahkan. Jadi di antara dua pegangan ini yang mana patut kita pegang?

Jawab: Kedua-dua makalah yang saudara sebutkan itu kami masih belum membacanya kerana itu di sini kami hanya menerangkan apa dia caranya yang dipakai di dalam Islam.

Agama Islam dasarnya bukan demokrasi dan bukan diktator. Islam mendasarkan pentadbirnya dengan musyawarah berpandu dengan firman Allah: *Washāwarhum fi al-amm fa'idhā azamta fatawakkal 'alā Allāh*. Maksudnya

Soalan-soalan hendaklah jangan berbelit-belit kerana akan menyulitkan kita menjawabnya. Soalan-soalan agama yang selalu terjadi dalam masyarakat adalah diutamakan dari yang lain-lainnya - Bertanyalah!!!

bermesyuaratlah (berundinglah) kamu kepada jalan kebaikan, dan apabila telah tepat azam kamu (kepada keputusan mesyuarat itu) maka bertawakallah kamu kepada Allah.

Dasar bermesyuarat di dalam Islam itu tidak bergantung kepada besarnya undi seperti yang ada pada cara demokrasi iaitu apabila diundi 50 lebih satu maka suara yang terbanyak dipakai. Dasar Islam bermesyuarat ialah didasarkan kepada muslihat yang utama, dan di dalam pencalonan Islam tidak membenarkan seseorang itu mencalonkan dirinya tetapi hendaklah ia dicalonkan oleh orang ramai. Sedang pada demokrasi seseorang itu boleh menjadi calon dengan kemahuannya sendiri.

Supaya saudara lebih jelas dalam menelaah dalam hal ini, kami anjurkan saudara menatap ucapan Profesor Abdul Kahar Muzakkar yang dibukukan oleh Qalam yang bertajuk "Persaudaraan Islam" yang dijual 60 sen senaskhah dan dua puluh sen bagi anggota-anggota Ikhwan. Di sana saudara akan dapat penjelasan yang lebih jelas dalam hal ini.

* * *

Kewajipan Seorang Islam

Muhammad Bin Muhammaddin, Sekolah Melayu Bagan Baru, Sungai Saga, Ijok Perak bertanya:

Seseorang yang mengaku dirinya sebagai orang Islam tetapi tidak tahu mengucap dan mengetahui semua rukun-rukun Islam dan tidak mengerjakan suruhan